

04 JUN 1999

Mahathir-buku

BUKU MENGANDUNGI UCAPAN PILIHAN DR MAHATHIR DILANCAR DI BEIJING

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Sebuah buku dalam bahasa Mandarin mengandungi terjemahan ucapan-ucapan pilihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir dilancarkan di Beijing Selasa lepas.

Buku itu bertajuk "Ucapan-ucapan Pilihan Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia" dilancarkan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar di Universiti Pengajian Luar Negara Beijing.

Ia mengandungi idea dan pendapat-pendapat beliau mengenai beberapa perkara termasuk kebangkitan rantau Asia, aspirasi dan nilai-nilai Asia.

Buku itu adalah hasil susunan dan terjemahan Prof Wu Zongyu, pengarah pusat pengajian dan penyelidikan Melayu universiti itu.

Dalam ucapannya yang di fakskan kepada Bernama hari ini, Syed Hamid menyifatkan upacara pelancaran buku itu sebagai satu sumbangan penting kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan China.

Syed Hamid berkata pelancaran buku di Beijing "wajar sekali" kerana ia sempena dengan sambutan ulangtahun ke-25 penubuhan hubungan diplomatik Malaysia-China.

Syed Hamid berkata buku itu, antara lain, menyentuh mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara-negara membangun dan berguna untuk dikaji ketika dunia menuju ke alaf baru.

Antara ucapan-ucapan itu ialah yang dibuat oleh Dr Mahathir di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan di Rio De Janerio, Brazil, pada 13 Jun, 1992, dan satu lagi di Persidangan Antarabangsa mengenai Menguruskan Krisis Kewangan Asia, Pengajaran dan Cabaran, pada 2 Nov, 1998.

-- BERNAMA

NHD WAT